

Mahathir persoalkan kejujuran^{overseen} pengusaha^{trip} media Barat

Daripada
HAMZAH SIDEK

H.M.P. — 4 AUG 1993

WAN 3 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kejujuran pengusaha Barat memiliki media massa yang beroperasi di Asia.

Katanya, ini berdasarkan majalah-majalah antarabangsa yang ada di rantau ini sering memberi gambaran yang tidak tepat dan tertumpu kepada soal-soal yang boleh menggugat kestabilan.

Bercakap pada sidang akhbar di sini, beliau merujuk kepada sebuah majalah ekonomi yang berpangkalan di Hong Kong.

Tiada kaitan

"Bukannya pencapaian ekonomi yang dilaporkan, tetapi mereka mencari perkara-perkara lain yang tidak berkaitan," katanya menjawab satu pertanyaan mengenai laporan majalah berkenaan yang menyentuh masalah persempadanan Limbang antara Brunei dan Malaysia.

Menurutnya, majalah berkenaan tidak memberikan gambaran yang tepat tentang perkembangan

an di rantau ini kerana dikuasai oleh orang Barat.

Katanya, media seumpama itu hanya bertujuan untuk menimbulkan pergeseran di antara negara-negara di rantau ini bagi mencetuskan keadaan tidak stabil.

Jika negara-negara di rantau ini tidak stabil, katanyan, kononnya akan

kuranglah kemampuan mereka untuk bersaing dengan negara-negara Barat.

Beliau lalu bertanya apakah tujuan jutawan akhbar Britain, Rupert Murdoch membeli 64 peratus saham *Star TV* (sebuah stesen TV satelit yang berpangkalan di Hong Kong) baru-baru ini.

"Apakah tujuan membeli rangkaian TV yang tidak pernah mendapat untung dengan harga lah AS\$500 juta?" Tanya Mahathir.

Beliau berpendapat bahawa maklumat yang tidak tepat itu sebaliknya telah merugikan orang-orang Barat sendiri.

Katanya, peluang pelaburan yang ada di rantau

ini telah direbut orang-orang Jepun kerana para pelabur Barat takut setemendapat gambaran silap yang daripada media berkenaan.

Sehubungan ini, Mahathir berpendapat adalah wajar supaya diadakan satu rangkaian penyebar maklumat bagi memberi gambaran yang tepat mengenai rantau ASEAN dan EAEC. — *Utusan*.